A

R Valoo Maiyee a/l P Ramiah lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO 42H-158–09 TAHUN 2017
ABDUL MAJID PK
30 JULAI 2018

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Responden dituduh dengan kesalahan di bawah s 20(1) yang boleh dihukum di bawah s 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 — Responden mengaku salah — Hakim mahkamah sesyen menjatuhkan hukuman denda RM3,300 jika gagal bayar tiga bulan penjara dan barang sitaan dipulangkan — Sama ada kepentingan awam harus diberikan keutamaan dalam menjatuhkan hukuman — Sama ada jumlah denda yang dikenakan setimpal — Sama ada barang sitaan dirampas atau dipulangkan — Akta Kawalan Bekalan 1961 ss 20(1) & 22(1)*

D

E Pada 8 Mei 2017 kira-kira jam 11.30 pagi sepasukan anggota Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah memeriksa satu premis beralamat di Lot 1531, Jalan Batu 1, Lorong 4, Sepang, Selangor ('premis') dan mendapati terdapat 160 unit Gas Petroleum Cecair ('GPC') pelbagai jenama dan berat disimpan di dalam
F premis tersebut. GPC tersebut merupakan barang kawalan dan pengurus premis tersebut tidak mempunyai lesen untuk berurusniaga GPC. Berikutan itu GPC tersebut disita. Hasil siasatan mendapati premis tersebut disewa oleh orang yang kena saman ('responden') dan GPC berkenaan adalah kepunyaannya. Responden walau bagaimanapun mempunyai lesen yang
G masih sah sebagai pemborong GPC. Adalah jelas GPC tersebut hanya boleh disimpan di premis beralamat HSM 2577, PT 296 Kuala Lukut, Jalan Seremban, 71010 Port Dickson menurut lesen yang diluluskan kepada responden ('eksh P10'). Hakim mahkamah sesyen yang terpelajar ('HMS') menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,300 dan penjara tiga bulan jika
H gagal membayar denda tersebut serta 160 unit GPC dipulangkan kepada responden. Pendakwa raya tidak berpuas hati dengan hukuman berkenaan telah memfailkan rayuan terhadap hukuman denda dan perintah memulangkan GPC tersebut kepada responden.

I **Diputuskan**, membenarkan rayuan pendakwa raya:

(1) Responden hanya dibenarkan menyimpan di premis seperti tertera di dalam eksh P10 dan bukannya di premis yang diperiksa pada hari kejadian. Ekshibit P8 jelas membuktikan responden memasuki satu perjanjian sewa dengan pemilik premis berkenaan selama tempoh satu

tahun. Oleh yang demikian responden tidak mempunyai pembelaan langsung terhadap pertuduhan yang dikenakan (lihat perenggan 10).

(2) Melalui pindaan kepada hukuman di mana denda maksimum dinaikkan kepada RM1 juta jelas satu hukuman denda yang tinggi perlu dipertimbangkan. Denda sebanyak RM3,300 tidak langsung mencerminkan pertimbangan ke atas faktor ini. Sungguhpun ini kesalahan pertama responden, denda RM3,300 adalah amat rendah berbanding dengan jumlah denda maksimum yang boleh dikenakan. Jumlah berkenaan langsung tidak mencerminkan hasrat kerajaan dalam meminda hukuman yang boleh dikenakan dan betapa seriusnya kesalahan yang dilakukan (lihat perenggan 11 & 13).

(3) HMS terpelajar tersalah arah akan dirinya apabila mempertimbangkan faktor ketiadaan sebarang kecederaan atau keganasan di dalam penghakiman beliau kerana ia tidak relevan bagi kes ini yang tidak melibatkan apa-apa tangkapan. HMS terpelajar juga telah mengambil kira faktor tempat kejadian atau premis di mana GPC ini disimpan yang jauh daripada kawasan kediaman oleh itu kebarangkalian berlakunya kebakaran atau kemalangan jiwa rendah. Ini bukanlah tujuan Akta Kawalan Bekalan 1961 ('Akta') digubal. Oleh itu ini adalah satu lagi faktor yang tak relevan dipertimbangkan (lihat perenggan 14–15).

(4) Faktor kepentingan awam memerlukan mahkamah menjatuhkan hukuman berat ke atas mereka yang melakukan kesalahan ini agar ianya berupaya untuk mencegah peniaga-peniaga lain daripada melakukan kesalahan yang sama (lihat perenggan 16).

(5) Responden telah menyewa premis berkenaan bagi tempoh satu tahun. Ini bermakna, niat untuk menyimpan GPC tersebut di tempat yang tidak dibenarkan bukanlah satu perbuatan yang boleh dianggap sebagai sementara atau 'one-off'. Oleh kerana jelas tindakan responden bukanlah berlandaskan alasan yang munasabah maka GPC tersebut dirampas (lihat perenggan 24).

(6) HMS yang terpelajar telah tersalah arah dalam menjatuhkan amaun denda dan juga berkaitan perintah memulangkan GPC berkenaan. Oleh itu rayuan pendakwa raya dibenarkan dan mahkamah telah menaikkan amaun denda kepada RM150,000 dan satu tahun penjara jika denda gagal dibayar dan GPC sebanyak 160 unit tersebut dirampas (lihat perenggan 25).

[English summary

On 8 May 2017 at about 11.30am, a team of Enforcement Division of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs had inspected a premise bearing the address Lot 1531, Jalan Batu 1, Lorong 4, Sepang, Selangor ('the premise') and found 160 units of liquefied petroleum gas ('GPC') of various

A brands and weights stored within the premise. GPC was a controlled item and the manager of the premise did not have a license to trade GPC. Therefore the GPC was confiscated. The results of the investigation found that the premise was rented by the defendant ('respondent') and the GPC belonged to him. The respondent however had a valid license as a GPC wholesaler. It was clear that
B the GPC can only be kept at a premise bearing the address HSM 2577, PT 296 Kuala Lukut, Jalan Seremban, 71010 Port Dickson in accordance with the license approved to the respondent ('exh P10'). The learned sessions court judge ('SCJ') sentenced a fine of RM3,300 and imprisonment of three months in default as well as the 160 GPC units to be returned to the respondent. The
C public prosecutor was dissatisfied with the sentence had filed an appeal against the fine sentence and the order of returning the GPC to the respondent.

Held, allowing the public prosecutor's appeal:

D (1) The respondent was only allowed to keep at the premise as stated in exh P10 and not at the premise inspected on the day of the incident. Exhibit P8 clearly showed that the respondent had entered into a rental agreement with the owner of the premise for a period of one year. Therefore the respondent did not have any defence at all against the
E charge imposed (see para 10).

(2) By amendment to the sentence where the maximum fine raised to RM1m was clearly a high fine penalty to be considered. A fine of RM3,300 did not at all reflect the consideration to this factor. Although
F this was the first offense of the respondent, a fine of RM3,300 was very low compared to the maximum amount of fine that can be imposed. The amount did not at all reflect the government's intention to amend the penalty that can be imposed and the seriousness of the offense committed (see paras 11 & 13).

G (3) The learned SCJ had misdirected itself when considering the factor of no injury or violence in the judgment as it was irrelevant to this case which did not involve any arrest. The learned SCJ had also taken into consideration the factor of the place where it happened or the premise where the GPC was kept far from the residential area thus the probability
H of fire or critical illness was low. This was not the purpose of the enactment Control of Supplies Act 1961 ('the Act'). Therefore this was another irrelevant factor that that been considered (see paras 14–15).

(4) The factor of public interest required the court to impose severe penalties
I on those who commit this offense so that it could prevent other traders from committing the same offense (see para 16).

(5) The respondent had rented the premise for a period of one year. This meant that the intention to keep the GPC at an unauthorised place was not an act that could be considered as temporary or 'one-off'. Since of the

respondent's clear actions were not based on reasonable grounds hence the GPC was confiscated (see para 24).

(6) The learned SCJ had misdirected in sentencing the amount of fine and also regarding the order of returning the GPC. Therefore the public prosecutor's appeal was allowed and the court had increased the amount of fine to RM150,000 and imprisonment of one year in default and the 160 units of GPC to be confiscated (see para 25).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 242–320.

Kes-kes yang dirujuk

Agus v PP (MRRJ J-09–384–12 Tahun 2014) (IND) (tidak dilaporkan) (dirujuk)
Agus v PP [2015] 2 CLJ 548, MT (dirujuk)
Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 MLRA 304, MP (dirujuk)
Chang Siew Fah v PP (MRRJ R-09–342–12 Tahun 2015) (tidak dilaporkan) (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193; [2002] 1 MLRA 266, MP (dirujuk)
Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 MLJ 137, MA (dirujuk)
Koh Mong Huat v Lembaga Padi dan Beras Negara [1982] 1 MLJ 355 (dirujuk)
PP v Cheah Yoke Yin (MS Shah Alam 63–71–05 Tahun 2016) (tidak dilaporkan) (dirujuk)
PP v Gopalakrishnan a/l Laksmanan (MTRJ Alor Setar 42H-29–06 Tahun 2017) (tidak dilaporkan) (dirujuk)
PP v Karthiselvam a/l Vengatan [2011] 4 MLJ 212; [2009] 4 CLJ 632, MR (dirujuk)
PP v Lim Song Leng (MS Butterworth PB62–126–09 Tahun 2017) (tidak dilaporkan) (dirujuk)
PP v Low Kok Wai [1988] 3 MLJ 123, MT (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
Sau Soo Kim v PP [1975] 2 MLJ 134, MP (dirujuk)
Tan Hai Meng v PP (MTRJ Pulau Pinang 41H-51–10 Tahun 2016) (tidak dilaporkan) (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kawalan Bekalan 1961 s 26, 26(1)

Geethan Ram (Geethan Ram) bagi pihak perayu.
Karthi (Azrina bersamanya) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abdul Majid PK:

[1] Orang yang kena saman ('responden') telah dihukum denda sebanyak RM3,300 dan penjara tiga bulan jika gagal membayar denda tersebut. Mahkamah sesyen juga telah memerintahkan 160 unit gas petroleum cecair ('GPC') dipulangkan kepada responden. Pendakwa raya tidak berpuas hati dengan hukuman berkenaan telah memfailkan rayuan terhadap hukuman denda dan perintah memulangkan GPC tersebut kepada responden.

[2] Pertuduhan terhadap responden adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu sebagai Pengarah Perniagaan Lukut Maju Sdn Bhd, pada 8 Mei 2017, kira-kira jam 11.30 pagi di Lot 1531, Jalan Batu 1, Lorong 4 dalam Daerah Sepang di dalam Negeri Selangor telah memiliki barang kawalan iaitu 160 unit Gas Petroleum Cecair pelbagai jenama dan berat di tempat yang tidak diluluskan oleh Pengawal untuk penyimpanan, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Pindaan 2006) Undang-Undang Malaysia Akta 122.

[3] Pada 8 Mei 2017 kira-kira jam 11.30 pagi sepasukan anggota Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ('KPDNKK') telah memeriksa satu premis beralamat di Lot 1531, Jalan Batu 1, Lorong 4, Sepang, Selangor ('premis') dan mendapati terdapat 160 unit GPC pelbagai jenama dan berat disimpan di dalam premis tersebut. GPC tersebut merupakan barang kawalan dan Pengurus premis tersebut tidak mempunyai lesen untuk berurusniaga GPC. Berikutan itu GPC tersebut disita. Hasil siasatan mendapati premis tersebut disewa oleh responden dan GPC berkenaan adalah kepunyaannya. Responden walau bagaimanapun mempunyai lesen yang masih sah sebagai pemborong GPC. Adalah jelas GPC tersebut hanya boleh disimpan di premis beralamat HSM 2577, PT 296 Kuala Lukut, Jalan Seremban, 71010 Port Dickson menurut lesen yang diluluskan kepada responden (eksh P10).

[4] Timbalan pendakwa raya yang terpelajar ('TPR') menghujahkan hakim mahkamah sesyen yang terpelajar ('HMS') telah gagal:

(a) gagal memberi perhatian akan seriusnya kesalahan yang dilakukan di mana hukuman denda maksimum telah dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM1 juta melalui pindaan Akta A1473 yang berkuatkuasa mulai 5 Januari 2015;

(b) mempertimbangkan fakta bahawa penyelewengan GPC semakan meningkat;

(c) mengimbangi faktor kepentingan awam adalah lebih penting berbanding dengan faktor pengakuan salah responden;

(d) mencerminkan faktor deteren dengan mengenakan denda sebanyak RM3,300; dan

(e) melucuthakkan 160 unit GPC tersebut.

[5] Manakala peguam yang terpelajar bagi pihak responden menghujahkan:

(a) pengakuan salah responden dibuat pada pertama kali dihadapkan ke mahkamah;

(b) ini merupakan kesalahan responden yang pertama;

(c) latar belakang responden yang tidak mempunyai rekod lampau, berumur 51 tahun dan mempunyai tanggungan;

(d) responden mempunyai lesen pemborong GPC yang sah dan kesalahan ini merupakan satu kesalahan yang teknikal;

(e) kesalahan ini boleh dikompaunkan; dan

(f) pihak pendakwaan tidak memohon mahkamah merampas GPC tersebut.

[6] Menurut peguam terpelajar HMS tidak tersalah arah dalam penghakiman beliau berkaitan prinsip-prinsip hukuman dan oleh itu mahkamah ini tidak sepatutnya mengubah hukuman yang dijatuhkan.

[7] Adalah perlu bagi saya menyatakan prinsip asas berkaitan rayuan terhadap hukuman sebagai panduan. Di dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 MLRA 304 Pmg KHN Raja Azlan Shah (baginda ketika itu) di ms 34 (MLJ); ms 305 (MLRA):

> Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v Jamieson* [1952] AC 525, 549). It is for that reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentences; whilst others equally conscientious have thought it their duty to view the same crimes with leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.

[8] Mahkamah Persekutuan seterusnya di dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193 ms 229; [2002] 1 MLRA 266 ms 292 KHN Mohamed Dzaiddin menyatakan:

> It is of the upmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence. See: *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 1 MLRH 23; [1976] 2 MLJ 257.

PENGAKUAN SALAH

[9] Tidak dinafikan pengakuan salah adalah satu faktor mitigasi yang kuat kerana ia menjimatkan masa mahkamah seperti mana yang diputuskan di dalam kes *Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134 di ms 137 HB Borneo Lee Hun Hoe menyatakan:

> Whether a person is a hardened criminal or not, I feel that a plea of guilty should be treated as a mitigating factor. It not only saves the country a great expense of a lengthy trial but also saves time and inconvenience of many, particularly the witnesses.

Namun di dalam *Public Prosecutor v Low Kok Wai* [1988] 3 MLJ 123 di ms 124 Hakim Mohamed Dzaiddin (beliau ketika itu) berpendapat:

> It is a principle of sentencing that whenever possible the court should take into account as a mitigating factor the fact that the accused has pleaded guilty. The extent to which a plea of guilty is a mitigating factor must depend on the facts of each case, and it cannot be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge was available to the accused.

[10] Di dalam kes ini responden hanya dibenarkan menyimpan di premis seperti tertera di dalam eksh P10 dan bukannya di premis yang diperiksa pada hari kejadian. Ekshibit P8 jelas membuktikan responden memasuki satu perjanjian sewa dengan pemilik premis berkenaan selama tempoh satu tahun. Oleh yang demikian responden tidak mempunyai pembelaan langsung terhadap pertuduhan yang dikenakan.

KESALAHAN PERTAMA DAN KESALAHAN SERIUS

[11] HMS yang terpelajar berpendapat memandangkan responden tidak mempunyai rekod kesalahan lampau maka satu hukuman yang berat akan memudaratkannya dan satu denda yang tidak terlalu rendah akan mencapai matlamat memberi pengajaran kepada responden. Bagi saya melalui pindaan kepada hukuman di mana denda maksimum dinaikkan kepada RM1 juta jelas

satu hukuman denda yang tinggi perlu dipertimbangkan. Denda sebanyak RM3,300 pada pendapat saya tidak langsung mencerminkan pertimbangan ke atas faktor ini.

[12] Di dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 Hakim Hashim Yeop A Sani (beliau ketika itu) membincangkan peranan mahkamah dalam memberi kesan kepada pindaan undang-undang berkata di ms 257 seperti berikut:

> The change in the attitude of the legislature itself during the last three years reflects the seriousness of the problem. In my view the courts will not be performing their functions honestly if the seriousness of the situation is not reflected in the sentence imposed or if the sentence appears to defeat the object of the statute. This is not saying that the courts in the treatment of drug offences should at all times be severe. Each case has to be determined on its own merits. But in every case the courts must be realistic and rational.

[13] HMS yang terpelajar turut merujuk kepada prinsip dan kes yang sama tetapi gagal untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya. Oleh itu adalah jelas sungguhpun ini kesalahan pertama responden, denda RM3,300 bagi saya amat rendah berbanding dengan jumlah denda maksimum yang boleh dikenakan. Jumlah berkenaan langsung tidak mencerminkan hasrat Kerajaan dalam meminda hukuman yang boleh dikenakan dan betapa seriusnya kesalahan yang dilakukan.

[14] HMS yang terpelajar menyatakan di antara alasan beliau seperti berikut:

> Menurut fakta kes, tiada sebarang kecederaan yang dialami oleh pihak penguatkuasa ataupun keganasan yang dilakukan oleh OKS semasa tangkapan. Justeru, saya telah mengambilkira faktor ini sebagai faktor peringanan dalam menentukan hukuman.

Di dalam kes *Public Prosecutor v Karthiselvam a/l Vengatan* [2011] 4 MLJ 212 ms 214; [2009] 4 CLJ 632 ms 635 HMR Gopal Sri Ram (beliau ketika itu) menyatakan:

> An appellate court should not intervene unless the court below has erred in principle, that is to say, it took into account irrelevant consideration or failed to take into account relevant considerations or passed a sentence that is manifestly excessive or manifestly inadequate or not permitted by law. In short, an appellant court has no original discretion of its own but may act when sentencing court has gone wrong in the sense just discussed.

Kes ini merupakan satu kes saman dan langsung tidak melibatkan apa-apa tangkapan. Jelas HMS terpelajar tersalah arah akan dirinya apabila

mempertimbangkan faktor ini di dalam penghakiman beliau kerana ia tidak relevan bagi kes ini.

[15] HMS terpelajar juga telah mengambil kira faktor tempat kejadian atau premis di mana GPC ini disimpan yang jauh daripada kawasan kediaman oleh itu kebarangkalian berlakunya kebakaran atau kemalangan jiwa rendah. Ini bukanlah tujuan Akta Kawalan Bekalan 1961 ('Akta') digubal. Oleh itu ini adalah satu lagi faktor yang tak relevan dipertimbangkan.

KEPENTINGAN AWAM

[16] Akta ini merupakan satu akta bagi mengawal bekalan barangan kawalan agar pengguna di antara lainnya tidak menghadapi kekurangan barangan tersebut dan bagi menghalang perbuatan menyorok atau keengganan menjual barangan keperluan. Sungguhpun kesalahan ini tidak melibatkan unsur keganasan tetapi kesannya terhadap kehidupan seharian kepada awam adalah berbentuk kesusahan dan menjejaskan kehidupan harian. Jelas ianya bukan satu kesalahan teknikal. Oleh itu saya berpendapat faktor kepentingan awam memerlukan mahkamah menjatuhkan hukuman berat ke atas mereka yang melakukan kesalahan ini agar ianya berupaya untuk mencegah peniaga-peniaga lain daripada melakukan kesalahan yang sama.

[17] TPR yang terpelajar telah merujuk kepada beberapa kes yang mana hukuman denda yang tinggi dikenakan. Kes-kes berkaitan adalah seperti berikut:

(a) *Public Prosecutor v Gopalakrishnan a/l Laksmanan* MTRJ Alor Setar 42H-29–06 Tahun 2017 — denda RM15,000 (sebelum pindaan);

(b) *Tan Hai Meng v Public Prosecutor* MTRJ Pulau Pinang 41H-51–10 Tahun 2016 — denda RM80,000 (sebelum pindaan); dan

(c) *Agus v Public Prosecutor* [2015] 2 CLJ 548 — denda RM100,000 (sebelum pindaan).

Di peringkat mahkamah sesyen pula kes seperti:

(i) *Public Prosecutor v Lim Song Leng* MS Butterworth PB62–126–09 Tahun 2017 — RM50,000 (sebelum pindaan);

(ii) *Public Prosecutor v Cheah Yoke Yin* MS Shah Alam 63-71–05 Tahun 2016 — denda RM25,000 (selepas pindaan); dan

(iii) *Public Prosecutor v TSC Gas Trading Sdn Bhd* — denda RM150,000 (selepas pindaan).

PEMULANGAN GPC

[18] HMS terpelajar telah memerintahkan GPC tersebut dipulangkan kepada responden. Tiada alasan diberikan oleh HMS yang terpelajar bagi menjustifikasikan perintah tersebut. Peguam yang terpelajar menghujahkan pihak pendakwaan tidak memohon GPC dirampas. Nota keterangan hanya menunjukkan seperti berikut:

> PO: Pohon hukuman yang setimpal
>
> Pohon arahan selanjutnya.

Peguam terpelajar selanjutnya berhujah isu kes ini bukannya GPC itu tetapi tempat simpanan yang tidak diluluskan.

[19] TPR yang terpelajar membalas hujahan dengan menyatakan GPC patut dirampas dan merujuk kepada dua kes *Chang Siew Fah v Public Prosecutor* MRRJ R-09–342–12 Tahun 2015 di mana perintah rampasan di bawah sub-s 26(1) Akta dikekalkan oleh Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan juga di dalam kes MRRJ J-09-384-12/2014 (IND) *Agus v Public Prosecutor* membenarkan rayuan pendakwa raya dan merampas kapal yang membawa minyak diesel di bawah peruntukan yang sama.

[20] Di dalam kes *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137 di ms 142 Mahkamah Agung memutuskan kegagalan hakim untuk mengarahkan diri berkaitan isu penting adalah satu kekhilafan. HMA Edgar Joseph Jr berkata:

> Clearly, therefore, the trial judge, was bound to, but did not view the whole of the evidence objectively and from all angles, with the result that the appellant had lost the chance which was fairly open to him of being acquitted. On this point, we consider that non-direction amounts to a misdirection, for in the words of Pickford J in *R v Bundy* 1: '... the trial was not satisfactory, and the case was not put to the jury in a way to ensure their due appreciation of the value of the evidence'.

[21] Seksyen 26 Akta ini memperuntukkan seperti berikut:

> 26 Power of court to confiscate
>
> (1) Where any person is convicted of an offence against this Act the court may order the confiscation in whole or in part of —
>
> (a) any controlled article, in respect of which the offence has been committed, which has been seized by or has otherwise come into the possession of the Controller or any person acting under his authority;
>
> (aa) any property of the accused, vehicle, vessel or other article, by means of which the offence has been committed or which is intended to be used for the

A commission of an offence against this Act; or

(b) the proceeds of sale of any such controlled article if it has been sold under section 12.

(2) Where confiscation is ordered under subsection (1), the court shall deliver the
B controlled article, proceeds of sale, property of the accused, vehicle, vessel or other article confiscated (if not already in possession of the Controller) to the Controller or to any person designated by him, and shall give directions as to their disposal.

[22] Mahkamah mempunyai budibicara sama ada hendak merampas atau
C memulangkan GPC itu kepada responden dan budibicara ini hendaklah dipertimbangkan secara 'judiciously'. Oleh itu mahkamah perlu melihat apakah alasan yang dikemukakan oleh responden untuk memohon agar GPC berkenaan dipulangkan. Di dalam kes *Koh Mong Huat v Lembaga Padi dan*
D *Beras Negara* [1982] 1 MLJ 355, Hakim Seah (beliau ketika itu) menyatakan:

In *PP v Ong Ah Kau & Ors* [1976] 2 MLJ 31 Syed Agil Barakbah J held that the power of the trial court to order confiscation of the subject-matter of the offence charged is not mandatory but discretionary. On what basis must the trial magistrate act when he makes an order of confiscation of the goods in respect of which the
E offence has been committed? In my opinion, since the legislature has deemed fit to leave it to the trial Magistrate to exercise the discretionary power, no general rule should be laid down and each case must be decided on its own facts. Needless to say, the discretion must be exercised judicially and not capriciously.

F **[23]** Pihak pendakwaan ada memohon arahan selanjutnya daripada HMS. Manakala responden memohon GPC dikembalikan. Responden juga tidak memberi alasan spesifik bagi menyokong pemulangan GPC melainkan alasan-alasan yang dikemukakan di dalam rayuan mitigasi.

G **[24]** Responden telah menyewa premis berkenaan bagi tempoh satu tahun ini bermakna niat untuk menyimpan GPC tersebut di tempat yang tidak dibenarkan bukanlah satu perbuatan yang boleh dianggap sebagai sementara atau 'one-off'. Jika tindakan responden meletakkan GPC itu atas alasan tempat simpanan yang dibenarkan hendak diubahsuai contohnya dan dia tidak
H mempunyai pilihan selain menyimpan di premis sementara bagi jangka waktu yang singkat maka munasabah bagi mahkamah mempertimbangkan untuk tidak merampas GPC tersebut. Tetapi oleh kerana jelas tindakan responden bukanlah berlandaskan alasan yang munasabah.

I **[25]** Setelah mempertimbangkan hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, saya berpuas hati HMS yang terpelajar telah tersalah arah dalam menjatuhkan amaun denda dan juga berkaitan perintah memulangakan GPC berkenaan. Oleh itu saya benarkan rayuan pendakwa raya dan menaikkan amaun denda kepada RM150,000 dan satu tahun penjara jika

denda gagal dibayar dan GPC sebanyak 160 unit tersebut dirampas.

Rayuan pendakwa raya dibenarkan.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali